

26 AUG 1999

ITM-Tokoh

SALLEH SULONG ANTARA PENERIMA ANUGERAH TOKOH ALUMNI ITM

SHAH ALAM, 26 Ogos (Bernama) -- Empat tokoh usahawan yang pernah menuntut di Institut Teknologi Mara (ITM) hari ini menerima anugerah tokoh Alumni ITM dari Persatuan Bekas Pelajar (Alumni) ITM.

Anugerah itu diberikan berikutan kejayaan dalam kerjaya serta sumbangan masing-masing kepada pembangunan dan ekonomi negara.

Pengerusi DRB-Hicom Tan Sri Salleh Sulong, 48, menerima anugerah tokoh Alumni ITM yang disampaikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis Perhimpunan Perdana Sizwazah ITM bersama Perdana Menteri di Stadium Malawati di sini hari ini.

Salleh merupakan lulusan ITM dalam bidang Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom) pada 1974 dan kini merupakan pengerusi beberapa syarikat utama di negara ini.

Presiden Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) Datuk Mohd Salleh Majid turut menerima anugerah tokoh Alumni ITM itu.

Mohd Salleh, yang sebelum ini merupakan Pengurus Besar BSKL, memperolehi Diploma dalam Pengajian Perniagaan dari ITM pada 1969 dan pernah menjadi pensyarah di institut pengajian tinggi itu.

Beliau meningkatkan imej BSKL di peringkat antarabangsa dengan menyediakan kemudahan yang cekap dan berkesan serta menyebarkan maklumat yang luas BSKL setelah menerajunya selama 15 tahun.

Sementara itu, Pengarah Urusan FA Peninsular Berhad Datuk Mohd Fasri Samsudin dan Pengurus Besar Jualan AMIM Holdings Sdn Bhd Aishah Ahmad juga dipilih menerima anugerah itu.

Mohd Fasri merupakan lulusan diploma dari ITM dalam Building Economics pada 1973 sebelum melanjutkan pelajaran ke luar negara manakala Aishah adalah lulusan Chartered Institute of Transport (United Kingdom).

-- BERNAMA

RZS AKD